

14 JAN 1999

Mahathir-Kelantan

BARISAN NASIONAL YAKIN MENANG PILIHAN RAYA DI KELANTAN

KOTA BAHARU, 14 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) akan dapat membentuk kerajaan negeri di Kelantan dengan memenangi sokongan majoriti rakyat pada pilihan raya umum akan datang.

"Kita percaya kita boleh menang dan dapat jadi kerajaan selepas pilihan raya (umum) ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat tertutup dengan wakil rakyat BN Kelantan di Rumah Sri Kelantan di sini hari ini.

Sehubungan itu Perdana Menteri meminta semua pemimpin negeri bersiap sedia menghadapi pilihan raya yang boleh diadakan pada bila-bila masa antara sekarang sehingga April tahun depan.

Dr Mahathir berkata daripada pertemuan dengan wakil rakyat dan pemimpin BN Kelantan, didapati semua pihak berkeyakinan BN akan menang sekiranya beberapa langkah utama diambil dan dipersetujui oleh semua pihak dan calon.

"Masing-masing di Kelantan membuat penilaian tentang kemungkinan parti (BN) mendapat kemenangan dan ramai mereka memberi pendapat bahawa (sekiranya) perkara-perkara tertentu diterima oleh semua calon serta tindakan yang akan diambil oleh parti diterima dan tidak ada bantahan, kita boleh menang," katanya.

Ditanya mengenai langkah dan bentuk tindakan yang bakal diambil oleh BN Kelantan bagi menghadapi pilihan raya itu, Dr Mahathir hanya berkata: "adalah tindakan kita...masih rahsia".

Perdana Menteri bagaimanapun menegaskan bahawa kemenangan hanya akan dicapai sekiranya semua pihak mengutamakan parti dan bukan diri sendiri.

"Kadangkala kita dapati ada yang tidak setuju (dengan tindakan parti), susahlah sikit. Yang kita hendak ialah semua orang utamakan parti, tidak ada sesiapa yang utamakan diri sendiri," katanya.

Ditanya adakah dengan pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri menandakan pilihan raya umum kian hampir, Dr Mahathir berkata: "segalanya mungkin. Kita mungkin mengadakannya lebih awal atau kemudian, bila-bila masa".

Mengenai kemungkinan Tengku Razaleigh Hamzah diberikan tempat dalam Badan Perhubungan Umno Kelantan, Dr Mahathir berkata bekas menteri kewangan itu tidak diberikan jawatan dalam parti sebaliknya beliau akan membantu Umno mengikut kedudukannya sebagai anggota biasa parti.

"Dia seorang yang berpengaruh dan dia akan memainkan peranan yang luas sesuai dengan pengaruhnya," kata Dr Mahathir.

Ditanya adakah Tengku Razaleigh akan dilantik sebagai Penasihat Majlis Tindakan Ekonomi Negara bersesuaian dengan pengaruh dan pengalamannya dalam bidang ekonomi, Dr Mahathir berkata: "kadang kala kita panggil siapa yang ada kepakaran".

Mengenai kemungkinan Tengku Razaleigh akan kembali memegang jawatan lebih tinggi di dalam Umno selepas ini, Presiden Umno itu berkata ia kemungkinan boleh berlaku kerana pada pemilihan agung parti akan datang, Tengku Razaleigh berhak untuk bertanding.

Dr Mahathir juga berkata Tengku Razaleigh tidak perlu membuat penjelasan kepada bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 -- parti serpihan Umno, yang telah dibubarkan mengenai kenapa beliau tidak dilantik Timbalan Perdana Menteri.

"Dia (Tengku Razaleigh) tak payah buat penjelasan kenapa tidak terpilih. Dia telah buat perakuan bahawa ada beberapa orang berpotensi

untuk memegang jawatan itu dan sudah tentu seorang sahaja yang dapat. Yang lain kena sokong. Itulah pengakuan yang kita dapat," katanya.

-- BERNAMA
RAR+MNY RON